

## **BAB III**

### **KEDATANGAN BURUH PERIKANAN THAI KE TOK BALI**

#### **3.0 PENGENALAN**

Thailand sememangnya sesuai menjadi sebuah negara perikanan yang penting memandangkan negara tersebut di kelilingi oleh Teluk Siam di sebelah Timur dan Tenggara, sementara Laut Andaman di sebelah Barat dan Barat Daya negara itu. Thailand mempunyai kawasan seluas 542,000 kilometer persegi dan mempunyai garisan pantai sepanjang 26,000 kilometer yang terdiri daripada 1,850 kilometer di Teluk Siam dan 750 kilometer di Laut Andaman.<sup>1</sup>

Thailand mempunyai 76 buah wilayah dan ia telah dipecahkan kepada empat bahagian yang utama, iaitu Bahagian Utara (Paak Nea) dengan 17 wilayah, Bahagian Timur Laut (Paak Tawan Ok Chien Nea) yang merangkumi 19 wilayah, Bahagian Tengah (Paak Klang) dengan 26 wilayah dan Bahagian Selatan (Paak Tai) dengan 14 buah wilayah.

Daripada 76 buah wilayah di Thailand sebanyak 23 daripadanya merupakan wilayah berpantai.<sup>2</sup> Kawasan-kawasan ini terkenal dalam sektor perikanan. Secara umumnya sektor perikanan di Thailand boleh dikelaskan kepada lima zon perikanan, iaitu zon pertama terdiri daripada (Trat, Chanthaburi, Rayong), zon kedua (Chon Buri, Chachoeng Sao, Samut Prakam, Samut Sakhon, Samut Sangkram, Phetchaburi), zon ketiga (Prachuap Khiri Khan, Chumphon, Suratthani), zon keempat (Nakhon Sri Thammarat, Songkhla,

Pattani, Naratiwat) dan zon kelima (Ranong, Phangnga, Phuket, Krabi, Trang, Satun).


Berdasarkan kepada kajian lapangan yang telah dijalankan di lokasi kajian di Tok Bali, didapati buruh perikanan Thai yang melibatkan diri dalam sektor perikanan datang dari pelbagai bahagian, iaitu dari Bahagian Utara, Bahagian Timur Laut, Bahagian Tengah dan Bahagian Selatan. Hasil kajian yang dijalankan sehingga bulan April 2002<sup>3</sup> didapati seramai 1,752 orang buruh perikanan Thai telah berdaftar dan mendapat permit untuk menjadi buruh perikanan di Tok Bali daripada Jabatan Perikanan Kelantan. (Sila lihat Peta 3.1).

Daripada perangkaan ini, pengkaji telah mengambil sepuluh peratus daripada pensampelan buruh perikanan Thai yang melibatkan diri dalam sektor perikanan di Tok Bali. Pengkaji telah menjalankan soal selidik secara khusus ke atas 175 orang buruh perikanan Thai yang bekerja dengan 11 buah syarikat yang dimiliki oleh majikan tempatan. Kesemua syarikat ini telah berdaftar dengan Jabatan Perikanan Kelantan dan dibenarkan menggunakan buruh perikanan asing.

### 3.1 TEMPAT ASAL BURUH PERIKANAN THAI

Berdasarkan kepada Jadual 3.1, buruh perikanan Thai yang berhijrah ke Tok Bali didapati datang dari hampir setiap wilayah di Thailand. Buruh perikanan Thai yang datang dari Bahagian Utara Thailand adalah seramai tiga orang (1.7 peratus), iaitu seorang datang dari wilayah Chiang Mai (0.57 peratus) dan dua orang (1.14 peratus) dari wilayah Chiang Rai. Bilangan buruh perikanan Thai yang datang dari bahagian ini kecil disebabkan penduduk

### Peta 3.1 : Wilayah Asal Buruh Perikanan Thai



Sumber : [http://dev.lib.utexas.edu/maps/middle\\_east\\_and\\_asia/thailand\\_pol88.jpg](http://dev.lib.utexas.edu/maps/middle_east_and_asia/thailand_pol88.jpg)

**Jadual 3.1 : Wilayah Asal Buruh Perikanan Thai**

Wilayah	Bilangan Buruh Perikanan Thai	Peratusan
<b>Bahagian Utara</b>		
Chiang Mai	1	0.57
Chiang Rai	2	1.14
<b>Jumlah Kecil</b>	<b>3</b>	<b>1.71</b>
<b>Bahagian Timur Laut</b>		
Nakhon Ratchasima	1	0.57
Udon Thani	1	0.57
Khon Kean	1	0.57
Ubon Ratchathani	4	2.29
Surin	1	0.57
<b>Jumlah Kecil</b>	<b>8</b>	<b>4.57</b>
<b>Bahagian Tengah</b>		
Nakhon Pathom	4	2.29
Rayong	5	2.86
Trat	9	5.14
Nakhon Nayok	5	2.86
Lop Buri	7	4.00
Suphanburi	1	0.57
Ratchaburi	10	5.71
<b>Jumlah Kecil</b>	<b>41</b>	<b>23.43</b>
<b>Bahagian Selatan</b>		
Chumphon	9	5.14
Surat Thani	18	10.29
Nakhon Si Thammarat	15	8.57
Songkhla	43	24.57
Yala	1	0.57
Pattani	21	12.00
Narathiwat	16	9.14
<b>Jumlah Kecil</b>	<b>123</b>	<b>70.28</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>175</b>	<b>100.00</b>

di wilayah ini tidak melibatkan diri dalam sektor perikanan dan kebanyakan penduduk di sini bekerja sebagai petani dan pembalak.

Bahagian Timur Laut Thailand juga telah membekalkan seramai lapan orang (4.57 peratus) buruh perikanan Thai kepada pengusaha ikan tempatan di Tok Bali. Seramai empat orang (2.29 peratus) buruh perikanan Thai datang dari wilayah Ubon Ratchathani dan setiap seorang (0.57 peratus) datang dari wilayah Udon Thani, Nakhon Ratchasima, Khon Kaen dan Surin.

Terdapat juga buruh perikanan Thai yang datang dari Bahagian Tengah Thailand, iaitu dari wilayah Nakhon Pathom, Rayong, Trat, Nakhon Nayok, Lop Buri, Suphanburi dan Ratchaburi. Bahagian ini merupakan pusat pentadbiran bagi negara Thailand. Seramai empat orang (2.29 peratus) buruh perikanan Thai di Tok Bali datang dari wilayah Nakhon Pathom. Wilayah Ratchaburi dan Rayong merupakan sebuah wilayah di Bahagian Tengah yang paling ramai membekalkan buruh perikanan Thai kepada majikan tempatan di Tok Bali, iaitu seramai sepuluh orang (5.71 peratus). Wilayah ini terletak berhampiran dengan pantai dan kebanyakan penduduk di sini melibatkan diri dalam sektor perikanan.

Bahagian Selatan Thailand telah menyediakan seramai 123 orang (70.28 peratus) buruh Perikanan Thai kepada majikan tempatan di Tok Bali. Ramai daripada buruh perikanan Thai datang dari wilayah seperti Chumphon, Surat Thani, Nakhon Si Thammarat, Songkhla, Yala, Pattani dan Narathiwat. Wilayah Songkhla merupakan sebuah kawasan perikanan terpenting di Thailand, ia disebabkan kedudukannya yang berhampiran dengan pantai. Namun demikian pada masa kini, sektor perikanan di wilayah ini telah dieksplorasi sepenuhnya oleh nelayan laut dalam dan nelayan pinggir pantai

menghadapi masalah untuk mendapatkan ikan.<sup>4</sup> Oleh sebab itu, para nelayan di wilayah ini terpaksa keluar menangkap ikan di perairan negara jiran dan seketika daripada mereka telah menjadi buruh perikanan di negara jiran termasuklah di Tok Bali, Kelantan.

Berdasarkan kepada Jadual 3.1, wilayah Songkhla telah membekalkan seramai 43 orang (24.57 peratus) buruh perikanan Thai kepada majikan di Tok Bali. Di samping itu, wilayah Pattani juga merupakan sebuah kawasan perikanan yang penting di Thailand selepas Songkhla. Wilayah ini telah menyediakan seramai 21 orang (12.00 peratus) daripada keseluruhan buruh perikanan Thai di Tok Bali. Ramai buruh perikanan Thai datang dari wilayah selatan Thailand disebabkan jarak antara wilayah ini dengan Tok Bali adalah dekat dan mudah dihubungi. Di samping itu, ia juga boleh dihubungi dengan menggunakan sistem pengangkutan air.<sup>5</sup> Oleh sebab itu, keadaan ini telah mendorong lebih ramai penduduk Thai di wilayah ini berhijrah ke Tok Bali, khususnya bagi mereka yang ingin melibatkan diri dalam sektor perikanan.

### **3.2 AGAMA BURUH PERIKANAN THAI**

Jadual 3.2 menunjukkan buruh perikanan Thai yang datang bekerja di Tok Bali terdiri daripada dua kumpulan agama yang berbeza. Majoriti buruh perikanan Thai yang datang ke Tok Bali beragama Buddha, iaitu seramai 144 orang (82.29 peratus) dan selebihnya 31 orang (17.71 peratus) beragama Islam. Daripada 144 orang buruh perikanan Thai yang beragama Buddha ini, seramai 94 orang (53.72 peratus) datang dari Bahagian Selatan Thailand, iaitu Songkhla 34 orang (19.43 peratus), Pattani 14 orang (8.00 peratus), Surat Thani 13 orang (7.43 peratus), Nakhon Si Thammarat 13 orang (7.43 peratus), Narathiwat 11 orang (6.29 peratus), Chumphon lapan orang

**Jadual 3.2 : Buruh Perikanan Thai Pelbagai Agama Dari Wilayah Thailand**

Wilayah	Agama				Jumlah	Peratus
	Buddha	Peratus	Islam	Peratus		
<b>Bahagian Utara</b>						
Chiang Mai	1	0.57	0	0.00	1	0.57
Chiang Rai	2	1.14	0	0.00	2	1.14
<b>Jumlah Kecil</b>	<b>3</b>	<b>1.71</b>	<b>0</b>	<b>0.00</b>	<b>3</b>	<b>1.71</b>
<b>Bahagian Timur Laut</b>						
Nakhon Ratchasima	1	0.57	0	0.00	1	0.57
Udon Thani	0	0.00	1	0.57	1	0.57
Khon Kean	1	0.57	0	0.00	1	0.57
Ubon Ratchathani	4	2.29	0	0.00	4	2.29
Surin	1	0.57	0	0.00	1	0.57
<b>Jumlah Kecil</b>	<b>7</b>	<b>4.00</b>	<b>1</b>	<b>0.57</b>	<b>8</b>	<b>4.57</b>
<b>Bahagian Tengah</b>						
Nakhon Pathom	4	2.29	0	0.00	4	2.29
Rayong	5	2.86	0	0.00	5	2.86
Trat	8	4.57	1	0.57	9	5.14
Nakhon Nayok	5	2.86	0	0.00	5	2.86
Lop Buri	7	4.00	0	0.00	7	4.00
Suphanburi	1	0.57	0	0.00	1	0.57
Ratchaburi	10	5.71	0	0.00	10	5.71
<b>Jumlah Kecil</b>	<b>40</b>	<b>22.86</b>	<b>1</b>	<b>0.57</b>	<b>41</b>	<b>23.43</b>
<b>Bahagian Selatan</b>						
Chumphon	8	4.57	1	0.57	9	5.14
Surat Thani	13	7.43	5	2.86	18	10.29
Nakhon Si Thammarat	13	7.43	2	1.14	15	8.57
Songkhla	34	19.43	9	5.14	43	24.57
Yala	1	0.57	0	0.00	1	0.57
Pattani	14	8.00	7	4.00	21	12.00
Narathiwat	11	6.29	5	2.86	16	9.15
<b>Jumlah Kecil</b>	<b>94</b>	<b>53.72</b>	<b>29</b>	<b>16.57</b>	<b>123</b>	<b>70.29</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>144</b>	<b>82.29</b>	<b>31</b>	<b>17.71</b>	<b>175</b>	<b>100.00</b>

(4.57 peratus) dan Yala seorang (0.57 peratus). Manakala bagi buruh perikanan Thai yang beragama Islam pula adalah seramai 29 orang (16.57 peratus), masing-masing daripadanya datang dari wilayah Songkhla (1.14 peratus), Pattani (4.00 peratus), Narathiwat (2.86 peratus), Surat Thani (2.86 peratus), Nakhon Si Thammarat (1.14 peratus) dan Chumphon (0.57 peratus).

Jika diperhalusi didapati peratusan buruh perikanan Thai yang beragama Buddha di Tok Bali adalah lebih tinggi berbanding dengan buruh perikanan Thai yang beragama Islam. Keadaan ini berlaku disebabkan bot *carter* yang beroperasi di sini adalah dimiliki oleh majikan Thailand yang beragama Buddha. Dalam hal ini sudah tentu kebarangkalian majikan Thai akan mengambil buruh perikanan Thai yang beragama Buddha adalah tinggi. Tujuan majikan Thai berbuat demikian adalah untuk memudahkan urusan pentadbiran dan kesenangan untuk penyediaan barang-barang keperluan dapur. Apabila Jabatan Perikanan Kelantan meluluskan penggunaan bot *carter* beroperasi di Tok Bali, sudah tentu semua majikan tempatan akan menyewa bot tersebut dan menggunakan semua buruh perikanan Thai yang sedia ada di atas bot berkenaan.

Tujuan majikan tempatan berbuat demikian supaya setelah mendapat kelulusan daripada Jabatan Perikanan Kelantan, bot tersebut boleh terus beroperasi di laut tanpa perlu memikirkan kerja-kerja untuk mendapatkan buruh perikanan Thai yang baru. Selain daripada itu, terdapat ramai buruh perikanan Thai beragama Buddha disebabkan keseluruhan bot *carter* yang beroperasi di Tok Bali telah dilengkapi dengan tempat pemujaan yang dikenali sebagai *mak'anam*<sup>6</sup> yang boleh dijumpai di atas *kechong*.<sup>7</sup> Di samping itu, faktor utama yang menghalang penglibatan buruh perikanan Thai beragama

Islam, adalah disebabkan kesukaran dalam menyediakan makanan semasa di atas bot. Secara realitinya “konsep dua periuk” yang cuba dipraktikkan di atas bot sukar untuk direalisasikan.

Buruh perikanan Thai yang beragama Islam di Tok Bali adalah seramai 31 orang (17.71 peratus) dan kesemua mereka bekerja di atas bot perikanan yang dimiliki oleh majikan tempatan. Hasil kajian mendapati semua buruh perikanan Thai yang beragama Islam bekerja di atas bot Syarikat Laut Dalam (Jet 7), seorang datang dari wilayah Trat dan 30 orang daripada mereka masing-masing datang dari wilayah Songkhla (5.14 peratus), Pattani (4.00 peratus), Narathiwat (2.86 peratus), Surat Thani (2.86 peratus) dan selebihnya dari lain-lain wilayah di Selatan Thailand. Majikan tempatan yang memiliki bot sendiri lebih suka menggunakan buruh Thai beragama Islam disebabkan senang untuk berkomunikasi sesama sendiri kerana bahasa pertuturan mereka hampir menyamai dialek tempatan. Selain daripada itu, *Taikong* yang beragama Islam lebih suka menggunakan buruh perikanan dari wilayah yang sama dan dari kalangan mereka yang dipilih mempunyai perhubungan persaudaraan sesama sendiri.

### **3.3 UMUR BURUH PERIKANAN THAI**

Berdasarkan kepada Jadual 3.3, didapati buruh perikanan Thai yang paling muda bekerja di Tok Bali adalah berumur 18 tahun dan yang paling tua berumur 41 tahun. Bilangan buruh perikanan Thai yang paling ramai adalah berumur di antara 18-26 tahun, iaitu mewakili 67.43 peratus daripada keseluruhan buruh perikanan Thai di Tok Bali. Keadaan ini berlaku disebabkan pada peringkat umur tersebut adalah merupakan sumber tenaga yang produktif dan mereka mampu menjalankan kerja dengan baik.

**Jadual 3.3 : Umur Buruh Perikanan Thai Bekerja Di Tok Bali  
Mengikut Wilayah Di Thailand**

Wilayah	Umur									
	18-20	21-23	24-26	27-29	30-32	33-35	36-38	39-41	Jumlah	
<b>Bahagian Utara</b> Chiang Mai Chiang Rai	0 0	0 0	1 1	0 0	0 1	0 0	0 0	0 0	1 2	
<b>Jumlah Kecil</b>	0	0	2	0	1	0	0	0	3	
<b>Bahagian Timur Laut</b> Nakhon Ratchasima Udon Thani Khon Kaen Ubon Ratchathani Surin	0 0 0 2 1	0 0 0 1 0	1 0 1 0 0	0 0 0 1 0	0 1 0 0 0	0 0 0 0 0	0 0 0 0 0	0 0 0 4 1	1 1 1 4 1	
<b>Jumlah Kecil</b>	3	1	2	1	1	0	0	0	8	
<b>Bahagian Tengah</b> Nakhon Pathom Rayong Trat Nakhon Nayok Suphanburi Ratchaburi Lop Buri	1 1 2 0 1 1 0	1 3 2 2 0 0 3	0 1 2 3 0 0 0	0 0 2 0 0 0 1	0 0 1 0 0 0 3	0 0 0 0 0 0 1	1 0 0 0 0 0 0	1 0 0 0 0 0 0	4 5 9 5 1 10 7	4 5 9 5 1 10 7
<b>Jumlah Kecil</b>	6	11	10	3	7	2	1	1	41	
<b>Bahagian Selatan</b> Chumphon Surat Thani Nakhon Si Thammarat Songkhla Yala Pattani Narathiwat	0 3 2 8 0 	2 4 4 11 0 2 6	2 4 4 12 0 7 9	3 2 0 5 0 3 1	0 4 4 5 0 2 0	1 0 1 1 0 1 0	1 0 0 1 1 1 0	0 1 2 0 0 0 0	9 18 15 43 1 21 16	9 18 15 43 1 21 16
<b>Jumlah Kecil</b>	18	26	39	14	15	4	4	3	123	
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	27	38	53	18	24	6	5	4	175	

Buruh perikanan Thai yang berumur melebihi 41 tahun bilangannya terhad, disebabkan *Taikong* bot lebih gemar memilih buruh perikanan yang masih muda dan bertenaga. Kebanyakan buruh perikanan Thai yang berumur di antara 18-26 tahun datang dari wilayah Selatan Thailand, iaitu seramai 83 orang atau 47.43 peratus daripada keseluruhan buruh perikanan Thai yang terdapat di Tok Bali. Namun demikian tidak dapat dinafikan juga terdapat sesetengah daripada mereka berumur kurang daripada 18 tahun, perkara ini nampaknya telah menggambarkan bahawa majikan tempatan tidak memantau buruh perikanan Thai yang bekerja di atas bot mereka, dan tanggungjawab tersebut diserahkan sepenuhnya kepada *Taikong*. Buruh perikanan di bawah umur ini merupakan rakyat Thai yang bekerja atau masuk secara haram ke Tok Bali.

### **3.4 PROSES KEMASUKAN BURUH PERIKANAN THAI KE TOK BALI**

Sebelum majikan tempatan membawa masuk buruh perikanan Thai untuk bekerja di atas bot mereka atau bot *carter*, terlebih dahulu mestilah mendapat kebenaran secara bertulis daripada Ketua Jabatan Perikanan di peringkat Jajahan dan kemudiannya diserahkan kepada Ketua Pengarah Perikanan Negeri. Kebiasaananya keputusan akan diterima oleh majikan tempatan dalam tempoh tidak melebihi seminggu. Setelah mendapat kelulusan tersebut, majikan tempatan bolehlah memikirkan cara-cara untuk menguruskan proses membawa masuk buruh perikanan Thai.

Sebelum majikan tempatan membawa masuk buruh perikanan Thai ke Tok Bali, buruh perikanan Thai yang berminat untuk bekerja, terlebih dahulu mestilah memohon dan mendapatkan *Thai Fishing Boat Crew Identity*

daripada Jabatan Perikanan di Thailand. *Thai Fishing Boat Crew Identity* adalah sejenis borang pengenalan diri yang diperakui oleh Jabatan Perikanan Thailand bahawa sebelum ini mereka pernah bekerja sebagai buruh perikanan di Thailand. Di dalam borang ini mengandungi maklumat pemohon seperti nama, nama keluarga, umur, kewarganegaraan, tugas pemohon di atas bot, nombor pendaftaran bot, alamat tetap di negara asal dan dilengkapi dengan gambar pemohon. Di samping itu pemohon juga diwajibkan untuk menurunkan sepuluh cap jari mereka di atas borang tersebut.

Setelah diproses Jabatan Perikanan Thailand meluluskan pengeluaran *Thai Fishing Boat Crew Identity*. Surat kelulusan ini hanya sah diakui selama enam bulan sahaja dari tarikh pengeluarannya. Selepas tamat tempoh tersebut, buruh perikanan Thai yang masih berminat untuk terus bekerja dalam sektor perikanan perlu memperbaharui semula dokumen ini di wilayah masing-masing. Setelah semua dokumen yang diperlukan disediakan oleh buruh perikanan Thai, majikan tempatan akan menyerahkan kesemua maklumat tersebut kepada Jabatan Imigresen Malaysia dan Jabatan Perikanan Kelantan untuk diproses.

Bagi melayakkan buruh perikanan Thai bekerja di Tok Bali, beberapa syarat yang telah digariskan oleh Jabatan Perikanan Kelantan perlu dipatuhi oleh majikan tempatan. Antara syarat-syaratnya termasuklah majikan mestilah mendapat kelulusan secara bertulis daripada Ketua Pengarah Perikanan; buruh perikanan Thai mempunyai dokumen perjalanan yang sah; tidak dibenarkan berpindah ke bot lain kecuali mendapat kelulusan bertulis daripada Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia; majikan haruslah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas semua buruh perikanan Thai yang di-

bawah jagaan mereka. Sekiranya majikan tempatan ingin menempatkan buruh Thai di bot lain mestilah dimaklumkan terlebih dahulu secara bertulis kepada Jabatan Perikanan Kelantan.

Keseluruhan kos untuk membawa masuk dan menghantar balik buruh perikanan Thai mestilah ditanggung sepenuhnya oleh pihak majikan tempatan apabila tempoh perkhidmatan mereka telah ditamatkan. Jabatan Perikanan Kelantan juga menetapkan bahawa majikan tempatan hanya dibenarkan menggunakan 90 peratus buruh perikanan Thai sahaja untuk ditempatkan di atas bot mereka dan selebihnya mestilah diambil daripada buruh perikanan tempatan.

Setelah majikan tempatan mendapat kelulusan secara bertulis daripada Jabatan Imigresen dan Jabatan Perikanan Kelantan, majikan tempatan akan menghubungi *Taikong* Thai atau wakil majikan di negara Thailand untuk memaklumkan kepada semua bakal buruh perikanan Thai yang hendak dibawa masuk ke Tok Bali supaya bersedia. Kebiasaannya majikan akan memberi tempoh masa dua hingga tiga hari kepada buruh perikanan Thai untuk menyiapkan diri.

Dalam tempoh persediaan ini, majikan tempatan akan mewakilkan *Taikong* atau wakilnya supaya menyerahkan wang pendahuluan kepada setiap buruh perikanan Thai. Kebiasaannya setiap kali mengambil buruh perikanan Thai baru, majikan tempatan akan membelanjakan di antara seribu hingga dua ribu baht untuk diberikan kepada setiap bakal buruh perikanan Thai, sebagai wang perbelanjaan dapur bagi keluarga yang akan ditinggalkan. Daripada jumlah tersebut, buruh perikanan Thai akan

menyerahkan seribu hingga seribu lima ratus baht kepada keluarga mereka dan selebihnya digunakan sebagai perbelanjaan semasa berada di Tok Bali.

Buruh perikanan Thai akan menunggu *Taikong* di rumah masing-masing dan wakil *Taikong* akan pergi ke setiap rumah buruh perikanan Thai pada masa yang ditetapkan dan membawa mereka ke bot perikanan. Semasa berada di jeti di Thailand, majikan tempatan akan membekalkan kepada setiap seorang mereka sebiji bantal dan sehelai tikar padi. Setelah kesemua buruh perikanan Thai telah hadir, *Taikong* akan membuat persiapan untuk terus belayar ke Tok Bali. Bermula dari hari itu, buruh perikanan Thai akan terus tinggal dan bekerja di dalam bot perikanan majikan mereka. Buruh perikanan Thai hanya akan naik semula ke darat sebaik sahaja bot sampai ke jeti Tok Bali. Terdapat juga daripada sesetengah *Taikong* akan terus keluar menangkap ikan dan buruh perikanan Thai hanya akan sampai ke Tok Bali semasa hendak mendaratkan ikan.

### **3.5 FAKTOR KEDATANGAN BURUH PERIKANAN THAI**

Kemasukan buruh perikanan Thai ke Tok Bali secara besar-besaran disebabkan oleh beberapa faktor tarikan dan faktor tolakan. Antara faktor tarikan yang mendorong mereka bekerja di atas bot perikanan di Tok Bali seperti sumber perikanan yang banyak, peluang pekerjaan yang luas, pendapatan lumayan, keamanan, layanan baik majikan tempatan, dan lain-lain faktor. Manakala faktor yang mendesak mereka meninggalkan Thailand adalah seperti arahan majikan Thai, kesukaran memperoleh ikan, kemiskinan, peluang pekerjaan yang terhad di Thailand, pendapatan rendah, desakan keluarga dan lain-lain faktor.

### **3.5.1 FAKTOR PENARIK BURUH PERIKANAN THAI KE TOK BALI**

Jadual 3.4 menunjukkan penghijrahan buruh perikanan Thai ke Tok Bali secara besar-besaran berserta alasannya. Di antara alasan yang dikemukakan adalah seperti sumber perikanan yang banyak (43.42 peratus), peluang pekerjaan yang luas (34.86 peratus), pendapatan lumayan (8.00 peratus), keamanan (5.15 peratus), layanan baik oleh pihak majikan tempatan (2.86 peratus) dan lain-lain faktor (5.71 peratus).

Faktor utama yang mendorong buruh perikanan Thai datang bekerja di Tok Bali adalah disebabkan sumber perikanan di perairan Tok Bali masih banyak dan masih lagi tidak dieksplotasi sepenuhnya oleh bot-bot perikanan laut dalam. Keadaan ini berlaku disebabkan nelayan tempatan kurang berminat untuk menceburi sektor perikanan laut dalam dan mereka hanya menangkap ikan di persisiran pantai sahaja. Kurangnya persaingan daripada nelayan tempatan, membolehkan buruh perikanan Thai keluar menangkap ikan di laut dalam dengan bebas tanpa tekanan dan seterusnya berjaya mendaratkan hasil tangkapan dalam kuantiti yang banyak.

Sumber ikan di Tok Bali masih tidak dieksplotasi sepenuhnya oleh nelayan tempatan. Ini kerana majoriti nelayan di sini menggunakan kaedah penangkapan secara tradisional dengan menggunakan bot-bot yang bersaiz kecil dan teknologi lama. Hampir keseluruhan daripada nelayan tempatan keluar menangkap ikan balik hari, iaitu keluar ke laut pada waktu subuh dan balik semula pada waktu petang. Kurangnya nelayan tempatan menceburi sektor perikanan laut dalam telah menyebabkan sumber perikanan di sini senang diperoleh dan secara tidak langsung telah membuka mata di

**Jadual 3.4 : Faktor Menarik Buruh Perikanan Thai Berhijrah Ke Tok Bali**

Faktor Menarik	Bilangan	Peratusan
Sumber Ikan Yang Banyak	76	43.42
Peluang Pekerjaan Yang Luas	61	34.86
Pendapatan Lumayan	14	8.00
Keamanan	9	5.15
Layanan Baik Majikan	5	2.86
Lain-lain	10	5.71
<b>Jumlah</b>	<b>175</b>	<b>100.00</b>

kalangan buruh perikanan Thai untuk mengeksplorasi sumber perikanan laut dalam di Tok Bali.

Faktor seterusnya mendorong masyarakat Thai menjadi buruh perikanan di Tok Bali adalah kerana tempoh masa setiap trip ke laut tidak mengambil masa yang lama, iaitu antara tujuh hingga sepuluh hari sahaja. Namun demikian pada bulan Julai hingga awal September, buruh perikanan Thai hanya akan ke laut dua hingga tiga hari sahaja dalam setrip. Perkara ini berlaku disebabkan ikan yang banyak, dan dalam tempoh masa yang singkat kesemua *homprai* yang terdapat di dalam bot dapat dipenuhi dengan hasil tangkapan.<sup>8</sup> Apabila masa ke laut berjaya dikurangkan secara tidak langsung kekerapan mereka ke laut akan semakin bertambah.

Selain daripada itu sekiranya mereka keluar menangkap ikan dalam tempoh masa yang singkat, secara tidak langsung kos perbelanjaan untuk setiap trip ke laut dapat dikurangkan. Antara kos yang boleh dikurangkan adalah seperti penggunaan minyak diesel, bekalan air batu dan bekalan makanan. Keadaan ini berlaku disebabkan setiap trip ke laut, bot tidak perlu banyak bergerak untuk mendapatkan hasil tangkapan.

Faktor seterusnya yang menimbulkan minat buruh perikanan Thai ke Tok Bali ialah peluang pekerjaan yang banyak dan masih tidak dipenuhi oleh buruh perikanan tempatan. Kekurangan buruh yang serius ini telah membolehkan buruh perikanan Thai mengisi kekosongan tersebut. Penduduk tempatan tidak berminat bekerja sebagai buruh perikanan kerana persepsi mereka pekerjaan ini tidak menjamin masa depan yang baik dengan alasan pendapatan yang diterima tidak tetap; tahap pendidikan yang semakin baik membolehkan mereka menceburi dalam sektor pekerjaan lain yang lebih

selesa dan pada masa yang sama golongan tua yang melibatkan diri secara sepenuh masa sedikit demi sedikit meninggalkan sektor ini akibat umur yang semakin meningkat.

Di samping itu, majikan di Tok Bali telah menawarkan peluang pekerjaan kepada mereka dan menanggung segala perbelanjaan untuk datang ke sini, mereka tidak perlu memikirkan kos perbelanjaan. Mereka hanya perlu datang dan terus bekerja. Kemudahan sedemikian telah mendorong buruh perikanan Thai meninggalkan negara mereka dan bekerja dengan majikan tempatan di Tok Bali. Faktor keamanan di Tok Bali juga menjadi salah satu sebab mengapa buruh perikanan Thai suka bekerja di sini, mereka boleh menangkap ikan dengan aman dan selamat.

Pendapatan yang lumayan juga menjadi salah satu pendorong kepada buruh perikanan Thai datang menjadi buruh perikanan di Tok Bali. Kaedah Pembahagian Panggu yang diamalkan di sini jauh lebih baik berbanding dengan negara asal mereka. Selain itu, mereka tidak perlu memikirkan soal tempat tinggal dan keperluan makanan kerana kesemua keperluan tersebut disediakan sepenuhnya oleh majikan tempatan.

Pendapatan yang lumayan yang diterima oleh buruh perikanan Thai di Tok Bali telah menimbulkan minat ramai buruh perikanan Thai untuk bekerja di sini. Hasil kajian mendapati kesemua buruh perikanan Thai yang bekerja di Tok Bali dapat mengecap kehidupan yang lebih baik dan mereka dapat memperbaiki taraf hidup keluarga mereka di Thailand. Bahagian ini akan dijelaskan secara lebih terperinci dalam Bab Kelima nanti. Perubahan taraf hidup di kalangan buruh perikanan Thai yang bekerja di Tok Bali telah

mempengaruhi semakin ramai penduduk Thai berlumba-lumba untuk menjadi buruh perikanan di sini.

Selain daripada itu, buruh perikanan Thai berminat untuk bekerja di atas bot majikan tempatan disebabkan mereka telah mendapat layanan yang baik daripada pihak majikan. Keprihatinan majikan tempatan dalam menjaga kebijakan para pekerjanya telah menimbulkan semangat mereka untuk terus bekerja di sini. Di samping itu, sesetengah daripada buruh perikanan Thai berasa lebih selamat dan selesa bekerja di Tok Bali jika dibandingkan dengan bekerja di Thailand. Umpamanya, majikan tempatan menyediakan pelbagai kemudahan seperti menyediakan makanan yang mencukupi, membayar keseluruhan bil rawatan, memberi wang pinjaman semasa mereka menghadapi masalah kewangan tanpa dikenakan sebarang faedah dan lain-lain.

### **3.5.2 FAKTOR PENOLAKAN BURUH PERIKANAN THAI**

Selain daripada faktor tarikan yang terdapat di Tok Bali, penghijrahan secara besar-besaran buruh perikanan Thai ke Tok Bali sangat berkait rapat dengan faktor tolakan di negara Thailand. Antaranya seperti arahan majikan Thai, kesukaran memperoleh ikan di negara Thailand, kemiskinan, peluang pekerjaan terhad, pendapatan rendah, desakan keluarga dan lain-lain faktor.

Berdasarkan kepada Jadual 3.5 didapati bahawa faktor yang sangat mempengaruhi buruh perikanan Thai meninggalkan negara Thailand, iaitu sebanyak 24.00 peratus disebabkan mereka sangat mematuhi arahan majikan Thai. Apabila majikan tempatan telah menyewa bot carter daripada majikan Thai, maka semua perkakas menangkap ikan dan buruh perikanan Thai yang bekerja di atas bot akan dipertanggungjawabkan kepada majikan

**Jadual 3.5 : Faktor Penolakan Buruh Perikanan Thai Ke Tok Bali**

Faktor Penolakan	Bilangan	Peratusan
Arahan Majikan Thai	42	24.00
Kesukaran Memperoleh Ikan	38	21.72
Kemiskinan	22	12.57
Peluang Pekerjaan Terhad	15	8.57
Pendapatan Rendah	13	7.43
Desakan Keluarga	1	0.57
Lain-lain	44	25.14
<b>Jumlah</b>	<b>175</b>	<b>100.00</b>

tempatan untuk dikendalikannya selama setahun yang ditetapkan dalam perjanjian. Bagi mematuhi arahan dan menggambarkan mereka taat setia kepada majikan asal (majikan Thai), sesetengah daripada buruh perikanan Thai akan terus bekerja di atas bot yang sama walaupun bot tersebut telah dikendalikan oleh majikan baru di Tok Bali.

Kekurangan sumber ikan di laut Thailand telah menjadi faktor kedua mendorong sebanyak 21.72 peratus buruh perikanan Thai berhijrah ke Tok Bali. Kesukaran untuk mendapatkan sumber ikan di negara Thailand telah mendesak mereka meninggalkan negara asal. Perkara ini terjadi disebabkan Jabatan Perikanan Thailand telah mengeluarkan terlalu banyak lesen menangkap ikan di laut dalam kepada nelayan di Thailand. Keadaan ini menyebabkan banyak bot laut dalam telah masuk menangkap ikan di zon pinggir pantai secara meluas dengan peralatan menangkap ikan yang moden seperti pukat tunda. Pencerobohan yang berleluasa ini telah mendatangkan masalah yang serius kepada nelayan pinggir pantai untuk menangkap ikan kerana sumber perikanan semakin berkurangan.

Kepupusan sumber perikanan di Thailand dikemukakan melalui laporan Bahagian Perikanan Laut, Jabatan Perikanan Thailand yang menganggarkan bahawa penangkapan ikan di perairan Thailand dan Laut Andaman telah mencapai *Maximum Sustainable Yield* (MSY) atau pengeluaran maksimum dengan kadar 1.5 juta tan metrik yang mengandungi 970,000 tan metrik ikan demersial dan 490,000 tan metrik ikan palagik.<sup>9</sup>

Selain daripada itu, faktor yang mendesak buruh perikanan Thai meninggalkan negara Thailand adalah faktor kemiskinan yang telah berlaku di Thailand. Keadaan ini telah mendesak sebanyak 12.57 peratus buruh

perikanan Thai berhijrah ke Tok Bali. Keadaan kemiskinan semakin dirasai oleh mereka ketika negara Thailand menghadapi masalah krisis ekonomi yang teruk pada pertengahan tahun 1997. Kesukaran untuk mencari pekerjaan di Thailand telah mendesak mereka bekerja di negara jiran, khususnya dalam sektor perikanan di Tok Bali.

### **3.6 SYARAT-SYARAT PENGGUNAAN BURUH PERIKANAN THAI DI ATAS VESEL PENANGKAPAN IKAN TEMPATAN**

Buruh perikanan Thai yang ingin bekerja di negara Malaysia mestilah mengikuti prosedur yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia. Sekiranya buruh perikanan asing yang masuk tanpa mendapatkan kebenaran daripada negara yang dimasuki akan disenaraikan sebagai penceroboh Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) dan kesemua peralatan yang terdapat di atas bot akan dirampas dan *Taikong* serta semua awak-awak yang bekerja di atas bot tersebut akan dipenjarakan.

Sebelum permit penggunaan buruh perikanan Thai dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan Negeri, majikan tempatan terlebih dahulu membuat permohonan dengan pihak berkuasa serta mengisi borang permohonan untuk menggunakan buruh perikanan Thai. Terdapat beberapa syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Perikanan Kelantan yang harus diikuti oleh pemohon. Antara syarat-syarat yang harus diikuti oleh buruh perikanan Thai dan majikan tempatan adalah seperti;

Syarat pertama, majikan tempatan hendaklah mendapat kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Perikanan sebelum menggunakan buruh perikanan Thai di atas bot masing-masing. Tujuan syarat ini ditetapkan adalah untuk mengelakkan majikan tempatan menggunakan

buruh perikanan Thai secara haram tanpa pengetahuan pihak Jabatan Perikanan.

Syarat kedua, majikan tempatan hanya dibenarkan menggunakan buruh perikanan Thai setelah mereka memiliki dokumen perjalanan yang sah seperti Pasport Antarabangsa, Pasport Pelaut yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen dan Jabatan Perikanan Thailand. Kesemua buruh yang hendak diambil bekerja di atas bot mestilah berumur lebih daripada 18 tahun.

Syarat ketiga, buruh perikanan Thai hanya dibenarkan bekerja di atas bot yang telah diluluskan oleh Jabatan Perikanan Kelantan dan semua buruh tersebut tidak boleh dipindahkan ke atas bot lain kecuali setelah mendapat kelulusan secara bertulis daripada Ketua Pengarah Perikanan Malaysia. Sebaik sahaja surat kelulusan penggunaan dikeluarkan, setiap maklumat buruh perikanan Thai akan direkodkan dan surat ini perlu ditunjukkan kepada Polis Marin atau pegawai Jabatan Perikanan semasa operasi pemeriksaan dijalankan.

Syarat keempat, majikan tempatan mestilah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas buruh perikanan Thai yang di bawah jagaan mereka. Jabatan Perikanan telah mewajibkan kepada majikan tempatan supaya melaporkan perkembangan semasa buruh perikanan Thai yang bekerja di atas bot dan juga semasa buruh perikanan Thai yang hendak dipindahkan ke bot lain.

Syarat kelima, majikan tempatan hendaklah menanggung kesemua kos perbelanjaan untuk membawa masuk dan menghantar balik

buruh perikanan Thai ke Thailand, sebaik sahaja perkhidmatan mereka tidak diperlukan lagi.

Syarat keenam, majikan tempatan mestilah bertanggungjawab sepenuhnya untuk berurusan dengan jabatan dan agensi lain untuk membawa masuk buruh perikanan Thai. Kesemua kerja pengurusan hendaklah dilakukan oleh majikan tempatan dan buruh perikanan Thai hanya perlu menyediakan segala dokumen yang diperlukan sekiranya diminta oleh majikan tempatan.<sup>10</sup>

Sekiranya majikan tempatan ingin menggunakan buruh perikanan Thai, mereka tidak boleh dikecualikan daripada mematuhi syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perikanan Kelantan. Pihak majikan tempatan mestilah mengisi borang permohonan ini dengan selengkapnya sebelum diserahkan kepada Jabatan Perikanan Negeri untuk diproses.

Semasa hendak membuat permohonan, majikan tempatan mestilah sertakan bersama-sama butir-butir diri buruh perikanan Thai yang diperlukan seperti dua keping gambar berukuran pasport untuk setiap seorang, salinan Pasport Antarabangsa dan Pasport Pelaut. Di samping itu, majikan juga perlu menyatakan butir-butir mengenai bot yang hendak ditempatkan buruh perikanan Thai. Misalnya, nombor tetap bot, jenis peralatan, pangkalan beroperasi dan kelas muatan bot.

Majikan tempatan juga harus memberitahu bilangan buruh perikanan tempatan yang sedang digunakan, bilangan buruh perikanan Thai yang telah diluluskan dan bilangan buruh perikanan Thai tambahan yang perlu digunakan. Bagi mempercepatkan proses untuk mendapatkan kelulusan

daripada Jabatan Perikanan, majikan mestilah mengemukakan sebab-sebab yang munasabah tentang kepentingan penggunaan buruh perikanan Thai di atas bot mereka.

Jabatan Perikanan Malaysia telah menetapkan bahawa buruh perikanan Thai yang hendak digunakan mestilah 90 peratus jumlah kru yang dilesenkan<sup>11</sup> dan hanya boleh digunakan oleh majikan tempatan yang mengusahakan peralatan komersial dengan muatan 40 GRT ke atas, dibenarkan menggunakan perkhidmatan buruh perikanan Thai untuk ditempatkan di atas bot mereka.

Untuk melayakkan pihak majikan tempatan menggunakan buruh perikanan Thai, mereka terlebih dahulu perlu mengemukakan permohonan melalui Jabatan Perikanan dengan menggunakan borang LPI 7/95. Iaitu borang khas yang digunakan untuk permohonan penggunaan buruh perikanan asing untuk bekerja di atas bot di perairan Malaysia. Majikan tempatan boleh mendapatkan borang tersebut di Jabatan Perikanan Negeri mengikut pangkalan masing-masing.

Setelah permohonan ini diluluskan, pihak Jabatan Perikanan Negeri akan mengeluarkan satu salinan surat kepada pihak majikan tempatan. Di dalam surat ini akan dicatatkan secara terperinci nama setiap buruh perikanan yang bekerja di atas bot bersama-sama dengan jawatan mereka. Dalam hal ini bukan semua majikan tempatan layak memohon menggunakan buruh perikanan Thai. Bagi majikan tempatan yang memiliki bot komersial seperti bot pukat tunda dan bot pukat jerut layak memohon penggunaan buruh perikanan asing. Bagi bot pukat tunda di bawah 40 GRT hanya dibenarkan menggunakan maksimum empat orang buruh perikanan Thai, bot yang muatan

antara 40.0 hingga 69.9 GRT dibenarkan menggunakan sehingga tujuh orang. Manakala bot pukat tunda dengan muatan antara 70.0 hingga 99.9 GRT dibenarkan sepuluh orang. Sementara bot dengan muatan antara 100.0 hingga 129.9 GRT dibenarkan menggunakan 12 orang dan seterusnya bot yang melebihi 130 GRT dibenarkan menggunakan 14 orang.

Manakala jumlah maksimum yang dibenarkan untuk menggunakan buruh perikanan asing di bot pukat jerut juga bergantung kepada muatan bot, iaitu bagi bot pukat jerut di bawah 40 GRT dibenarkan menggunakan 15 orang. Bagi bot 40.0 hingga 69.9 GRT, bilangan buruh Thai yang dibenarkan seramai 25 orang. Bot pukat jerut antara 70.0 hingga 99.9 GRT dibenarkan seramai 30 orang. Manakala bagi bot pukat jerut antara 100.0 hingga 129.9 GRT adalah seramai 35 orang dan bot pukat jerut yang melebihi 130 GRT dibenarkan seramai 40 orang.<sup>12</sup>

### **3.7 PROSES PENGHIJRAHAN BURUH PERIKANAN THAI KE TOK BALI**

Analisis tentang proses kemasukan buruh perikanan Thai amat penting, bagi melihat pola penghijrahan mereka ke Tok Bali. Sesetengah buruh perikanan Thai yang bekerja di sini pernah bekerja di tempat-tempat lain di Malaysia sebelum ini. Jadual 3.6 menunjukkan destinasi yang pernah dikunjungi oleh buruh perikanan Thai dan cara-cara mereka sampai ke Tok Bali.

Sebelum bekerja dengan syarikat perikanan di Tok Bali, mereka pernah bekerja di beberapa tempat di Malaysia. Terdapat sebanyak 98.29 peratus daripada keseluruhan buruh perikanan Thai datang ke Tok Bali dengan menggunakan bot dan 20.00 peratus daripadanya pernah pergi ke tempat lain

**Jadual 3.6 : Jenis Pengangkutan Dan Tempat Tuju Buruh  
Perikanan Thai Sebelum Ke Tok Bali**

Tempat Yang Pernah Dituju Sebelum Ke Tok Bali	Jenis Pengangkutan							
	Bot	Peratus	Kereta Sewa	Peratus	Bot & Kereta Sewa	Peratus	Jumlah	Peratus
Chendering	10	5.71	0	0.00	0	0.00	10	5.71
Rantau Panjang	10	5.71	0	0.00	0	0.00	10	5.71
Kuala Besut	7	4.00	0	0.00	0	0.00	7	4.00
Kuala Besut, Chendering	7	4.00	0	0.00	0	0.00	7	4.01
Tumpat	1	0.57	0	0.00	0	0.00	1	0.57
Rantau Panjang, Kuala Besut & Chendering	0	0.00	0	0.00	2	1.14	2	1.14
Kuala Besut, Gua Musang, Setiu & Kuala Terengganu	0	0.00	1	0.57	0	0.00	1	0.57
Terus Ke Tok Bali	137	78.28	0	0.00	0	0.00	137	78.28
<b>Jumlah</b>	<b>172</b>	<b>98.29</b>	<b>1</b>	<b>0.57</b>	<b>2</b>	<b>1.14</b>	<b>175</b>	<b>100.00</b>

sebelum datang ke Tok Bali. Antara tempat yang pernah dituju oleh mereka dengan menggunakan bot adalah seperti ke Chendering (5.71 peratus), Rantau Panjang (5.71 peratus), Kuala Besut (4.00 peratus), Kuala Besut dan Chendering (4.00 peratus), Tumpat (0.57 peratus). Manakala bagi buruh perikanan Thai (1.14 peratus) yang datang ke Tok Bali dengan menggunakan perkhidmatan bot dan kereta sewa, semua daripada mereka sebelum ini pernah bekerja di Rantau Panjang, Kuala Besut dan Chendering. Selain daripada itu, sebanyak (0.57 peratus) datang ke Tok Bali dengan menggunakan kereta sewa dan juga sebelum ini pernah bekerja di Kuala Besut, Gua Musang, Setiu dan Kuala Terengganu.<sup>13</sup>

Terdapat seramai 137 orang (78.29 peratus) daripada keseluruhan 172 orang buruh perikanan Thai yang datang ke Tok Bali dengan menaiki bot adalah pertama kali bekerja di Malaysia. Terdapat sebanyak 98.29 peratus buruh perikanan di Tok Bali datang dengan menaiki bot disebabkan tempat tinggal mereka berhampiran dengan pantai dan jalan perhubungan air adalah lebih dekat berbanding dengan jalan perhubungan darat.

Selain daripada itu, bagi mereka yang datang dengan menggunakan bot tidak perlu mendapatkan Pasport Antarabangsa atau Pasport Sempadan dari negara Thailand untuk masuk ke Tok Bali. Di samping itu, mereka boleh ke sini hanya dengan menggunakan Pasport Pelaut<sup>14</sup> dan kesemua daripada mereka sudah pun memiliki dokumen tersebut. Oleh sebab itu mereka tidak perlu mengeluarkan sejumlah wang untuk mendapatkan dokumen perjalanan yang kedua untuk datang ke Tok Bali. Selain daripada itu, mereka lebih suka datang ke Tok Bali dengan menaiki bot periknan kerana

kesemua kos perbelanjaan akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak majikan tempatan.

Berdasarkan Jadual 3.7, didapati seramai 172 orang (98.29 peratus) datang ke Tok Bali menggunakan bot, kereta sewa (0.57 peratus) bot dan kereta sewa (1.14 peratus). Walaupun terdapat seramai 172 (98.29 peratus) datang dengan bot tetapi sesetengah daripada mereka berasal dari Bahagian Utara (1.71 peratus), Bahagian Timur Laut (4.57 peratus), Bahagian Tengah (23.43 peratus). Semua daripada mereka ini datang ke Bandaraya Bangkok dengan menggunakan perkhidmatan kereta api dan kemudiannya mereka akan meneruskan perjalanan dan berkumpul di Selatan Thailand. Selepas itu mereka akan menuju ke Pelabuhan Perikanan di Pattani atau Pelabuhan Perikanan Teluban yang terletak di wilayah Narathiwat. Dari sini mereka akan menaiki bot perikanan untuk ke Tok Bali.

Selain daripada itu, terdapat juga sesetengah buruh perikanan Thai dari Bahagian Selatan Thailand tidak datang menggunakan bot, sebaliknya mereka datang ke Tok Bali dengan menggunakan perkhidmatan kereta sewa (0.57 peratus) dari wilayah Pattani untuk sampai ke Golok dan seterusnya mengambil kereta sewa dari Rantau Panjang terus ke Tok Bali. Manakala terdapat (1.14 peratus) daripada mereka menggunakan bot dan kereta sewa untuk sampai ke Tok Bali. Semua kos perbelanjaan dari negara Thailand sehingga sampai ke Tok Bali akan dibiayai sepenuhnya oleh majikan tempatan.<sup>16</sup>

### 3.7.1 JALAN LAUT

Berdasarkan kepada Jadual 3.6 sebelum ini, terdapat 98.29 peratus daripada keseluruhan buruh perikanan Thai datang dengan

**Jadual 3.7 : Jenis Pengangkutan Ke Tok Bali Mengikut Setiap Wilayah**

Wilayah	Pengangkutan Ke Tok Bali			Jumlah
	Bot	Kereta Sewa	Bot & Kereta Sewa	
<b>Bahagian Utara</b>				
Chiang Mai	1	0	0	1
Chiang Rai	2	0	0	2
<b>Jumlah Kecil</b>	<b>3</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>3</b>
<b>Bahagian Timur Laut</b>				
Nakhon Ratchasima	1	0	0	1
Udon Thani	1	0	0	1
Khon Kean	1	0	0	1
Ubon Ratchathani	4	0	0	4
Surin	1	0	0	1
<b>Jumlah Kecil</b>	<b>8</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>8</b>
<b>Bahagian Tengah</b>				
Nakhon Pathom	4	0	0	4
Rayong	5	0	0	5
Trat	9	0	0	9
Nakhon Nayok	5	0	0	5
Lop Buri	7	0	0	7
Suphanburi	1	0	0	1
Ratchaburi	10	0	0	10
<b>Jumlah Kecil</b>	<b>41</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>41</b>
<b>Bahagian Selatan</b>				
Chumphon	9	0	0	9
Surat Thani	18	0	0	18
Nakhon Si Thammarat	15	0	0	15
Songkhla	43	0	0	43
Yala	1	0	0	1
Pattani	20	1	0	21
Narathiwat	14	0	2	16
<b>Jumlah Kecil</b>	<b>120</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>123</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>172</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>175</b>

menggunakan bot. Ini kerana majikan tempatan telah menggalakkan mereka datang dengan bot perikanan. Dengan cara ini, majikan boleh menjimatkan kos perbelanjaan untuk membawa masuk mereka ke Tok Bali.

Bagi buruh perikanan Thai yang datang dari wilayah Selatan Thailand, mereka akan berkumpul di Pelabuhan Perikanan Teluban yang terletak di wilayah Narathiwat.<sup>16</sup> Dalam proses untuk membawa masuk buruh perikanan ke Tok Bali, majikan tempatan akan pergi ke sana bersama-sama dengan *Taikong* untuk melihat sendiri bakal buruh perikanan Thai yang akan bekerja di atas bot mereka. Dalam masa tersebut *Taikong* akan memperkenalkan majikan tempatan kepada semua buruh perikanan Thai supaya mereka dapat mengenali majikan mereka secara lebih dekat.

Dalam masa yang sama terdapat juga sesetengah penduduk Thai yang berminat untuk menjadi buruh perikanan akan berjumpa dengan *Taikong* dan memohon untuk bekerja di atas bot. Sekiranya bot tersebut memerlukan pekerja tambahan, maka *Taikong* akan membawa mereka berjumpa dengan majikan tempatan. Dalam masa yang sama, *Taikong* akan mengambil kesempatan ini untuk menerangkan secara teliti segala prosedur yang perlu diikuti semasa mereka bekerja di atas bot.

### **3.7.2 JALAN DARAT**

Selain daripada masuk ke Tok Bali dengan menggunakan jalan laut, terdapat juga buruh perikanan Thai datang ke sini dengan menggunakan jalan darat. Berdasarkan kajian yang dijalankan, didapati 0.57 peratus buruh perikanan Thai datang dengan menggunakan kereta sewa dan 1.14 peratus dengan menggunakan bot dan kereta sewa berasal dari wilayah Narathiwat. Manakala terdapat dua orang daripada mereka menggunakan kedua-dua

sistem pengangkutan, iaitu bot dan kereta sewa. Mereka ini datang dari Nakhon Si Thammarat dan akan menaiki bot untuk sampai ke Narathiwat dan seferusnya menggunakan kereta sewa untuk sampai ke Golok.

Bagi mereka yang masuk melalui darat dan laut, mesti mengikuti proses yang betul, iaitu menggunakan Pasport Sempadan dari Golok untuk sampai ke Rantau Panjang dengan bayaran sebanyak sepuluh baht dan seterusnya mereka mengambil kereta sewa dari Rantau panjang terus ke Tok Bali dengan bayaran antara RM16.00 hingga RM20.00. Bagi buruh perikanan Thai yang masuk melalui jalan darat terpaksa balik semula ke Thailand setiap bulan untuk memperbaharui dokumen perjalanan mereka.

### **3.8 PROSES KEMASUKAN BURUH PERIKANAN THAI**

Kemasukan buruh perikanan Thai Ke Tok Bali boleh dilihat dalam dua aspek iaitu kemasukan mereka melalui prosedur yang ditetapkan oleh kerajaan dikenali sebagai buruh perikanan sah. Manakala bagi mereka yang masuk bekerja ke Tok Bali tanpa mendapat kelulusan daripada Jabatan Perikanan akan dikategorikan sebagai buruh perikanan haram.

#### **3.8.1 MEMILIKI PERMIT KERJA**

Berdasarkan Jadual 3.8 didapati terdapat seramai 164 orang (93.71 peratus) buruh perikanan Thai di Tok Bali memiliki permit kerja secara sah. Bilangan buruh perikanan Thai yang memiliki permit kerja yang sah disebabkan sebelum mereka bekerja di sini, majikan tempatan telah menguruskan segala permohonan untuk mendapatkan permit bekerja mereka di Jabatan Perikanan Kelantan. Buruh perikanan Thai hanya perlu menyerahkan Pasport Pelaut yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Thailand. Apabila semua dokumen dan butir-butir peribadi mereka telah

**Jadual 3.8 : Buruh Perikanan Thai Yang Bekerja Di Tok Bali Secara Sah Dan Haram**

Tempat	Permit Pekerjaan				Jumlah	Peratus
	Sah	Peratus	Haram	Peratus		
<b>Bahagian Utara</b>						
Chiang Mai	1	0.57	0	0.00	1	057
Chiang Rai	2	1.14	0	0.00	2	1.14
<b>Jumlah Kecil</b>	<b>3</b>	<b>1.71</b>	<b>0</b>	<b>0.00</b>	<b>3</b>	<b>1.71</b>
<b>Bahagian Timur Laut</b>						
Nakhon Ratchasima	1	0.57	0	0.00	1	0.57
Udon Thani	1	0.57	0	0.00	1	0.57
Khon Kaen	1	0.57	0	0.00	1	0.57
Ubon Ratchathani	4	2.29	0	0.00	4	2.29
Surin	1	0.57	0	0.00	1	0.57
<b>Jumlah Kecil</b>	<b>8</b>	<b>4.57</b>	<b>0</b>	<b>0.00</b>	<b>8</b>	<b>4.57</b>
<b>Bahagian Tengah</b>						
Nakhon Pathom	4	2.29	0	0.00	4	2.29
Rayong	5	2.86	0	0.00	5	2.86
Trat	8	4.57	1	0.57	9	5.14
Nakhon Nayok	4	2.29	1	0.57	5	2.86
Lop Buri	6	3.43	1	0.57	7	4.00
Suphanburi	1	0.57	0	0.00	1	0.57
Ratchaburi	8	4.57	2	1.14	10	5.71
<b>Jumlah Kecil</b>	<b>36</b>	<b>20.58</b>	<b>5</b>	<b>2.86</b>	<b>41</b>	<b>23.43</b>
<b>Bahagian Selatan</b>						
Chumphon	8	4.57	1	0.57	9	5.14
Surat Thani	17	9.71	1	0.57	18	10.29
Nakhon Si Thammarat	15	8.57	0	0.00	15	8.57
Songkhla	41	23.42	2	1.14	43	24.58
Yala	1	0.57	0	0.00	1	0.57
Pattani	19	10.87	2	1.14	21	12.00
Narathiwat	16	9.14	0	0.00	16	9.14
<b>Jumlah Kecil</b>	<b>117</b>	<b>66.86</b>	<b>6</b>	<b>3.42</b>	<b>123</b>	<b>70.29</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>164</b>	<b>93.72</b>	<b>11</b>	<b>6.28</b>	<b>175</b>	<b>100.00</b>

lengkap, dokumen berkenaan akan dihantar ke Jabatan Perikanan Kelantan untuk diproses. Kebiasaannya permit mereka akan siap diproses tidak melebihi seminggu.

### **3.8.2 TIDAK MEMILIKI PERMIT KERJA**

Terdapat seramai 11 orang (6.29 peratus) buruh perikanan Thai yang bekerja sebagai buruh perikanan di Tok Bali tidak memiliki permit kerja. Seramai lima orang (2.86 peratus) daripada mereka yang bekerja tanpa menggunakan permit datang dari Bahagian Tengah Thailand, iaitu dua orang dari wilayah Ratchaburi dan masing-masing seorang dari wilayah Trat, wilayah Nakhon Nayok dan wilayah Lop Buri. Bagi buruh perikanan Thai yang bekerja tanpa memiliki permit kerja yang sah adalah disebabkan mereka bukan menjadi buruh perikanan kontrak tetapi sesetengah daripada mereka hanya diambil untuk mengisi kekosongan buruh perikanan lain kerana cuti sakit. Di samping itu, terdapat juga sesetengah majikan tempatan tidak mengetahui hal yang sebenar tentang penambahan dan pengurangan bilangan pekerjanya di atas bot mereka. Ini kerana semua pengambilan buruh perikanan Thai baru atau memberhentikan tugas seseorang pekerja akan diurus sepenuhnya oleh *Taikong*.

### **3.9 PENGLIBATAN BURUH PERIKANAN THAI DI SYARIKAT PERIKANAN TOK BALI**

Hasil penyelidikan yang dijalankan, mendapati Jabatan Perikanan Kelantan telah meluluskan 51 lesen *carter* kepada 11 syarikat tempatan untuk mengambil buruh perikanan Thai bekerja di atas bot perikanan di Tok Bali. Daripada 58 lesen *carter* yang diluluskan, terdapat 51 (87.93 peratus) lesen *carter* bot pukat jerut dan selebihnya adalah lesen *carter* bot pukat tunda. Mengikut Jadual 3.9, didapati ramai daripada buruh perikanan Th-

**Jadual 3.9 : Purata Penggunaan Buruh Perikanan Thai Dalam Setiap Kategori Bot Di Syarikat Perikanan Di Tok Bali**

Nama Syarikat	Pukat Jerut			Pukat Tunda			Jumlah		
	Bot (Unit)	Orang	Purata (Seunit)	Bot (Unit)	Orang	Purata (Seunit)	Bot (Unit)	Orang	Purata (Seunit)
Yee Trading	10	381	38	0	0	0	10	381	38
Jati Sejati Snd. Bhd.	1	35	35	0	0	0	1	35	35
Maznan Fisheries Sdn. Bhd.	13	447	34	0	0	0	13	447	34
Huzil Engineering Sdn. Bhd.	3	100	33	0	0	0	3	100	33
Gold Bridge Enginee & Cons. Sdn. Bhd.	6	192	32	0	0	0	6	192	32
Tohaini	5	150	31	0	0	0	5	150	31
Bedor	3	90	30	0	0	0	3	90	30
C.M Fishry	8	240	30	0	0	0	8	240	30
Mirapro Snd. Bhd.	1	26	26	0	0	0	1	26	26
Perikanan Laut Dalam (Jet 7)	1	30	30	5	41	8	6	71	12
AB. Manan	0	0	0	2	20	10	2	20	10
<b>Jumlah</b>	<b>51</b>	<b>1,691</b>	<b>34</b>	<b>7</b>	<b>61</b>	<b>9</b>	<b>58</b>	<b>1,752</b>	<b>30</b>

Sumber : Data-data Disusun Semula Daripada Jabatan Perikanan Kelantan Sehingga April 2002.

melibatkan diri dalam sektor perikanan di Tok Bali bermula pada 25 Februari 1998.<sup>17</sup> Syarikat yang pertama sekali berdaftar dengan Jabatan Perikanan Kelantan ialah Syarikat Kekal Lestari (M) Sdn. Bhd. yang menggunakan seramai 561 orang buruh perikanan Thai. Syarikat ini telah menggunakan sebanyak 20 buah bot *carter* dari Thailand.

Semua bot *carter* yang dibawa masuk ke Tok Bali adalah jenis bot pukat jerut dan kesemuanya daripada kumpulan C2. Syarikat ini bukan sahaja menggunakan semua peralatan moden yang terdapat di atas bot tetapi semua buruh perikanan Thai yang pernah bekerja di atas bot tersebut turut digunakan. Antaranya ialah *Taikong*, *Phuchui Taikong* (Pembantu *Taikong*), *Nakdamnam* (Juru selam), *Phoa krur* (Juru masak), *Enginear* (*Engineer*) dan *Nakwang hear* (Juru pukat).

Jabatan Perikanan Kelantan tidak lagi membaharui lesen *carter* yang telah dikeluarkan kepada Syarikat Kekal Lestari. Dalam masa yang sama terdapat sebanyak 18 buah bot pukat jerut syarikat ini yang telah ditamatkan dan bot tersebut dihantar semula ke Thailand. Sekiranya syarikat tersebut ingin menggunakan semula bot *carter* dari Thailand, proses permohonan perlulah dibuat semula kerana setiap bot *carter* yang diluluskan hanya dibenarkan beroperasi di perairan Malaysia selama setahun sahaja.

Bagi majikan tempatan yang masih menggunakan bot *carter* yang telah tamat tempoh, kesemua buruh perikanan Thai yang bekerja di atas bot akan dikenakan tindakan undang-undang. Kesemua peralatan di atas bot akan disita dan hasil perikanan di atas bot akan dilelong. *Taikong* bot akan dipenjarakan selama tiga bulan dan semua buruh perikanan yang terdapat di atas bot turut dipenjarakan selama sebulan.<sup>18</sup> Selepas daripada tempoh

tahanan ini mereka akan dibebaskan dan permohonan permit pekerjaan mereka pada masa akan datang tidak akan diluluskan.

Pada awal tahun 2002 syarikat ini hanya mempunyai dua buah bot pukat jerut, iaitu KNF1062C dan KNF1063C masing-masing menggunakan sepuluh orang buruh perikanan Thai. Pada 15 April 2002 kedua-dua lesen *carter* tersebut sekali lagi ditamatkan tempoh pelesenannya. Kemudahan tempat pendaratan ikan yang dimiliki oleh syarikat ini telah disewakan kepada syarikat lain yang masih menggunakan bot *carter* dari Thailand. Setiap bot yang menggunakan perkhidmatan jeti di Tok Bali dikenakan bayaran RM50.00 untuk setiap kali mendarat.

Syarikat Maznan merupakan sebuah syarikat yang paling tinggi menggunakan lesen *carter* bot pukat jerut. Syarikat ini telah memperoleh 13 lesen *carter* dari Jabatan Perikanan Kelantan. Kesemua lesen *carter* yang diluluskan adalah dari jenis bot pukat jerut yang menggunakan seramai 447 orang (25.51 peratus) buruh perikanan Thai. Syarikat ini mula beroperasi pada 11 April 2000 dan lesen *carter* pertama yang diluluskan ialah KNF1051C dengan nama *Phor Iapvaree 4*. Bot tersebut dikendalikan oleh seorang *Taikong* dan dibantu oleh 35 orang awak-awak yang lain.

Keseluruhan lesen *carter* yang dimiliki oleh syarikat ini diperoleh secara berperingkat-peringkat dan pada 2 Oktober 2004 kesemua lesen *carter* ini akan ditamatkan. Sekiranya Syarikat Maznan ingin terus menggunakan bot *carter*, ia perlu melalui proses permohonan semula. Pada peringkat kedua lesen *carter* yang hendak diluluskan bergantung pada potensi syarikat tersebut. Di samping itu, Jabatan Perikanan Kelantan tidak akan memperbaharui lesen *carter* baru kepada syarikat yang sama, sekiranya mereka tidak mematuhi

syarat-syarat yang ditetapkan seperti tidak mendaratkan hasil tangkapan di Tok Bali tetapi mendaratkan hasil tangkapan di negara jiran.

Syarikat Laut Dalam (Jet 7) merupakan syarikat yang paling tinggi mendapat lesen *carter* bot pukat tunda. Secara keseluruhannya syarikat ini berjaya memperoleh lima lesen *carter* bot tunda dan sebuah lesen *carter* bot jerut. Masing-masing telah menggunakan 41 orang (2.34 peratus) dan 30 orang (1.71 peratus) daripada keseluruhan buruh perikanan di Tok Bali.<sup>19</sup> Secara purata setiap bot di syarikat ini telah menggunakan 12 orang buruh perikanan Thai. Bilangan buruh perikanan Thai yang diambil bekerja di atas bot pukat tunda adalah kecil kerana jumlah maksimum buruh yang diluluskan bagi bot muatan antara 100.0 hingga 129.9 GRT, hanyalah seramai 12 orang sahaja.

Syarikat Yee Trading merupakan sebuah syarikat yang kedua tinggi menggunakan buruh perikanan Thai selepas Syarikat Maznan. Syarikat ini mula mendaftar dengan Jabatan Perikanan Kelantan pada 28 Mei 2001. Hasil kajian mendapati sehingga April 2002, syarikat ini telah menggunakan sepuluh buah bot *carter* pukat jerut dari Thailand untuk beroperasi di Tok Bali. Daripada jumlah ini seramai 381 orang (21.75 peratus) daripada keseluruhan buruh perikanan Thai telah digunakan. Secara puratanya syarikat ini telah menempatkan seramai 38 orang buruh perikanan Thai bagi sebuah bot.

Jabatan Perikanan Kelantan telah meluluskan dua lesen *carter* kepada Syarikat Ab. Manan pada Mac 1999. Syarikat ini dibenarkan menyewa dua buah bot pukat tunda dari Thailand. Kedua-dua bot ini telah menggunakan seramai 20 orang (1.14 peratus) buruh perikanan Thai. Syarikat ini merupakan syarikat kedua yang mendapat lesen *carter* bot pukat tunda selepas Syarikat

Laut Dalam (Jet 7). Secara puratanya syarikat ini telah menggunakan 10 orang buruh perikanan Thai bagi sebuah bot. Bilangan buruh perikanan Thai yang digunakan oleh syarikat ini kecil kerana saiz bot yang digunakan hanya antara 70.0 hingga 99.9 GRT sahaja.

### 3.10 KESIMPULAN

Kemasukan buruh perikanan Thai secara besar-besaran ke Semenanjung Malaysia terutamanya ke Tok Bali adalah kerana majikan tempatan menghadapi masalah yang serius untuk mendapat buruh perikanan tempatan. Hal ini berlaku kerana golongan muda tempatan tidak lagi berminat untuk menceburi sektor perikanan. Mereka beranggapan bahawa bekerja dalam sektor perikanan tidak menjamin masa depan yang baik dengan alasan pendapatan yang diterima tidak tetap. Tahap pendidikan yang semakin meningkat membolehkan mereka menceburi bidang pekerjaan yang lebih selesa. Manakala golongan tua yang sebelum ini bergiat aktif semakin berkurangan dari masa ke masa akibat ketuaan mereka.

Bagi sebilangan kecil nelayan tempatan yang masih kekal, mereka menghadapi masalah untuk menerokai sektor perikanan laut dalam. Ini kerana mereka tidak mempunyai kemahiran yang tinggi dalam mengendalikan peralatan menangkap ikan yang moden dan mereka hanya menggunakan peralatan menangkap ikan tradisional dan keluar menangkap ikan di perairan pinggir pantai iaitu di kawasan zon A dan B sahaja.

Kekurangan tenaga dalam sektor perikanan laut dalam telah memberi peluang kepada majikan tempatan untuk membawa masuk buruh perikanan Thai untuk bekerja di atas bot pukat jerut atau bot pukat tunda di Tok Bali. Terdapat seramai 1,752 orang buruh perikanan Thai telah di bawa masuk

untuk bekerja di sini. Daripada jumlah tersebut 70.26 peratus daripada mereka datang dari Bahagian Selatan Thailand. Hasil kajian mendapati sebilangan besar buruh perikanan Thai yang diambil bekerja mempunyai pengalaman menjadi buruh perikanan di negara asal dan terdapat juga sebilangan kecil daripada mereka langsung tidak memiliki sebarang pengalaman dalam sektor perikanan.

Sebilangan besar buruh perikanan Thai yang terdapat di Tok Bali adalah beragama Buddha, iaitu 82.29 peratus. Keadaan ini berlaku disebabkan kebanyakan bot *carter* yang disewa oleh majikan tempatan adalah dimiliki oleh majikan Thai yang beragama Buddha. Ini telah menjadi sebab utama terdapat ramai buruh perikanan Thai beragama Buddha bekerja di atas bot perikanan di Tok Bali.

Buruh Perikanan Thai di Tok Bali datang dari kategori umur yang berbeza. Mereka yang berumur antara 18 hingga 32 tahun, dari segi peratusannya mewakili sebanyak 74.29 peratus daripada keseluruhan buruh perikanan Thai di sini. Ini kerana ramai buruh perikanan yang diambil bekerja oleh *Taikong* terdiri dari kalangan mereka yang muda, bertenaga dan mampu menjalankan kerja dengan baik.

Buruh perikanan Thai yang bekerja di Tok Bali secara keseluruhannya telah datang secara sah dan mengikuti segala prosedur yang ditetapkan oleh negara Thailand mahupun negara Malaysia. Hasil kajian mendapati 93.72 peratus daripada mereka datang bekerja di sini secara sah, dan 3.42 peratus sahaja datang bekerja secara haram. Peratusan datang secara sah adalah tinggi kerana semua proses untuk membolehkan mereka bekerja di Tok Bali telah diuruskan sepenuhnya oleh majikan tempatan.

Faktor menarik utama yang telah menimbulkan minat kepada 43.42 peratus buruh perikanan Thai untuk datang bekerja di Tok Bali disebabkan sumber perikanan di sini masih banyak dan tidak dieksplotasi sepenuhnya. Manakala faktor menolak utama yang telah mendesak 24.00 peratus buruh perikanan Thai meninggalkan Thailand adalah disebabkan mematuhi arahan majikan Thai, supaya mereka masuk bersama-sama dengan bot dari Thailand dan bekerja dengan majikan tempatan di Tok Bali.

Terdapat 98.29 peratus daripada keseluruhan buruh perikanan Thai masuk ke Tok Bali dengan menggunakan bot perikanan dan 1.14 peratus sahaja yang datang menggunakan kereta sewa dan bot. Peratusan yang datang dengan menggunakan bot perikanan adalah tinggi kerana mereka tidak perlu menampung kos pengangkutan. Di samping itu, segala proses untuk membolehkan mereka sampai ke sini akan diuruskan sepenuhnya oleh majikan tempatan.

Terdapat sebanyak 11 syarikat perikanan di Tok Bali telah menggunakan buruh perikanan Thai. Syarikat Maznan Fisheries Sdn. Bhd. paling banyak memperoleh lesen *carter* daripada Jabatan Perikanan Kelantan untuk menggunakan bot *carter* pukat jerut. Syarikat ini telah menggunakan seramai 447 orang (25.51 peratus) daripada keseluruhan buruh perikanan Thai di Tok Bali. Manakala Syarikat Laut Dalam (Jet 7) adalah sebuah syarikat yang paling banyak mendapat lesen *carter* bot pukat tunda daripada Jabatan Perikanan Kelantan. Syarikat ini telah menempatkan 41 orang (2.34 peratus) daripada keseluruhan buruh perikanan Thai untuk bekerja di atas bot pukat tunda mereka.

Hasil kajian ini mendapati beberapa lesen *carter* yang telah dikeluarkan kepada syarikat atau majikan tempatan telah tidak diperbaharui semula. Ini disebabkan mereka telah melanggar syarat-syarat yang telah ditentukan, terutama dengan tidak mendaratkan ikan di Tok Bali tetapi telah mendaratkan ikan di Thailand. Daripada pemerhatian didapati bot-bot *carter* ini, telah mendaratkan ikan dan hasil perikanan di Pelabuhan Pattani, Selatan Thailand. Mereka memilih Pelabuhan Pattani kerana upah buruh bagi kerja-kerja pemunggahan, penggredan dan sebagainya adalah jauh lebih murah jika dibandingkan dengan Tok Bali. Selain daripada itu di sekitar Pelabuhan Pattani terdapat banyak kilang yang berasaskan sumber perikanan yang membolehkan semua jenis pendaratan dapat diterima sebagai bahan dagangan.

## NOTA HUJUNG

**Fisheries Statistics of Thailand**, Department of Fisheries, Ministry of Agriculture and Co-operative, 1992, hal.1.

<sup>2</sup> **Industrial Restructuring In The Industry of Thai**, University of Sydney, Australia, November 1991, hal. 2.

<sup>3</sup> Hasil temubual dengan Mohd Rafi Bin Hassan, Ketua Unit Pengurusan & Kawal Selia di Jabatan Perikanan Negeri Kelantan. Pada 18 April 2002, pada 10.15 a.m.

<sup>4</sup> Hasil temubual dengan *Taikong* bot KNF 1051C Phor lapvaree 4, pada 20 Mac 2002, pada 10.15 p.m.

<sup>5</sup> Penghijrahan perikanan Thai ke Tok Bali berkait rapat dengan teori migrasi yang diterangkan oleh M.K. Mary yang menyatakan bahawa teori migrasi boleh berlaku dalam jarak yang dekat. Untuk mendapat penjelasan lebih lanjut sila rujuk buku **Global trends in migration : theory and research on international population movements**, Center for Migration Studies, United States, 1981, hal.1.

<sup>6</sup> *Mak'anam* ialah dewa laut yang dihormati dan dipuja oleh nelayan Thai yang beragama Buddha, setiap hari *Taikong* telah diamanahkan oleh majikan Thai untuk menyembah dewa tersebut setiap pagi. Selain daripada itu upacara penyembahan turut diadakan pada hari perayaan tertentu. Misalnya Tahun Baru Thai, Tahun Baru Cina dan Hari Wesak.

<sup>7</sup> *Kechong* ialah satu bilik khas yang terletak pada kedudukan paling tinggi di dalam bot. Tekong akan sentiasa berada di dalam dan kesemua peralatan moden seperti sonar, GPS, alat komunikasi dan lain-lain ditempatkan di *kechong*.

<sup>8</sup> *Hompral* adalah lubang-lubang yang berbentuk empat segi di atas bot, ia digunakan untuk mengisi hasil tangkapan dan air batu, satu daripadanya digunakan untuk diisikan dengan air bersih untuk kegunaan mandi.

<sup>9</sup> **Fisheries Statistics of Thailand**, Department of Fisheries, Ministry of Agriculture and Co Operative, 1992, hal. 5.

<sup>10</sup> Syarat-syarat penggunaan kru asing di atas vesel penangkapan ikan tempatan adalah satu peraturan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan Malaysia, tujuan ia dikeluarkan adalah untuk dijadikan sebagai garis panduan kepada Jabatan Perikanan Malaysia dan pengusaha bot perikanan tempatan untuk menggunakan kru asing.

<sup>11</sup> Mengikut seksyen 10(1)(b) (c) **Akta Perikanan 1985**.

- 
- <sup>12</sup> Sumber diperoleh dari Jabatan Perikanan Negeri Kelantan, pada 18 April 2002, pada 10.15 a.m.
- <sup>13</sup> Temubual dengan buruh perikanan Thai di jeti Syarikat Maznan pada 18 April 2002, pada 8.30 a.m.
- <sup>14</sup> *Pasport Pelaut* adalah sejenis dokumen perjalanan yang digunakan oleh buruh perikanan Thai untuk bergerak secara bebas di laut dan dokumen ini hanya dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Thailand.
- <sup>15</sup> Temubual dengan *Taikong* bot KNF 1068C di Syarikat Yee Trading, pada 21 April 2002, pada 6.30 p.m.
- <sup>16</sup> Temubual dengan Haji Mahadi Haji. Mat Daud Pengarah Eksekutif Syarikat Jati Sejati, pada 23 April, pada 3.15 p.m.
- <sup>17</sup> Sumber diperoleh dari Jabatan Perikanan Kelantan, pada 18 April 2002.
- <sup>18</sup> Hasil temubual dengan *Taikong* di bot Pukat Jerut KNF1085C di jeti Tok Bali, pada 13 April 2002, pada 8.35 p.m.
- <sup>19</sup> Hasil temubual dengan Abdul Rahman pemilik Syarikat Laut Dalam (Jet 7) pada 15 April 2002, pada 5.45 p.m.